

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10310

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ataupun Jabatan Imigresen Malaysia pernah mengeluarkan apa-apa dokumen identiti kepada Low Taek Jho (Jho Low) sebagai "Tan Kim Loong" atau "Eric Tan Kim Loong".

117

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), individu bernama Low Taek Jho telah dikeluarkan dengan Sijil Kelahiran serta Kad Pengenalan (MyKad) kerana beliau dilahirkan dan merupakan warganegara Malaysia. Semakan lanjut turut mendapati bahawa tiada sebarang rekod permohonan pindaan nama Low Taek Jho kepada "*Tan Kim Loong*" atau "*Eric Tan Kim Loong*" pada Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh JPN. Manakala hasil semakan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mendapati bahawa Low Taek Jho telah dikeluarkan dengan Pasport Antarabangsa Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 07 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SOALAN : 47

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Mas Golden Lounge di KLIA (Domestik dan Regional) dan di Lapangan Terbang Antarabangsa Penang (PIA) akan dibuka semula. Berapakah jumlah belanja yang telah Malaysia Airlines berikan kepada para pengendali kemudahan istirehat swasta seperti Plaza Premium Lounge dan CIP setakat ini meskipun mutu perkhidmatan mereka lemah.

119

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Airlines Berhad (MAB) *Regional Golden Lounge* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah dibuka semula pada 12 Oktober 2017. Manakala MAB *Domestic Lounge* di KLIA pula dijangka akan dibuka semula pada 30 November 2017. MAB Golden Lounge di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pula dijangka akan dibuka semula pada suku pertama 2018.

Bagi maksud jumlah perbelanjaan yang telah MAB berikan kepada para pengendali kemudahan istirehat swasta seperti *Plaza Premium Lounge* dan *Malaysia Airports Commercially Important Person (CIP) Lounge*, MAB sebagai sebuah entiti komersil tidak boleh mendedahkan maklumat berhubung perjanjian perniagaan yang merupakan maklumat sulit bagi memelihara kepentingan MAB dan syarikat tersebut. Dalam hubungan ini, bayaran perkhidmatan yang dikenakan kepada MAB adalah mengikut kadar komersial yang kompetitif.

Dalam hubungan ini, MAB sentiasa mengambil berat terhadap setiap maklumbalas yang diterima dan akan meneruskan pemantauan dari semasa ke semasa ke atas mutu perkhidmatan pengendali yang dilantik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SOALAN : 48

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) status dan perkembangan siasatan berhubung dengan pembunuhan Konsul Kehormat Malaysia ke Republik Madagascar, Houssenaly Zahid Raza yang dibunuh sebelum sempat menyerahkan serpihan pesawat MH370 kepada Pihak Berkuasa Malaysia di Antananarivo, Madagascar pada 24 Ogos 2017; dan
- (b) mengapa serpihan pesawat MH370 tersebut masih berada di Madagascar. Apakah pelan atau rancangan Kerajaan Persekutuan untuk membawa serpihan tersebut ke Malaysia dan bilakah ianya akan dilakukan.

121

JAWAPAN

- (a) Kes berhubung dengan pembunuhan Konsul Kehormat Malaysia ke Republik Madagascar masih dalam siasatan pihak berkuasa Madagascar.

- (b) Selaras dengan persefahaman dengan pihak berkuasa Madagascar, DCA telah menghubungi pihak berkuasa di Madagascar untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut mengenai serpihan tersebut. Setakat ini pihak DCA masih belum lagi mendapat pengesahan daripada pihak berkuasa di Madagascar.

Setelah mendapat maklumat daripada pihak berkuasa Madagascar kelak, DCA akan membuat analisa dan seterusnya akan membuat keputusan sama ada menghantar wakil untuk mendapatkan serpihan tersebut atau meminta pihak berkuasa Madagascar menghantar serpihan tersebut kepada pihak DCA.